

For immediate release

## MEDIA STATEMENT

### **IDEAS welcomes Indo-Pacific Economic Framework, but warns it should not derail ratification of CPTPP**

**Kuala Lumpur, 02 June 2022** - The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) welcomed the Biden administration's recent announcement of the Indo-Pacific Economic Framework (IPEF), arguing it could provide Malaysia with an avenue to collaborate with regional partners with regards to important economic and trade matters concerning the region, such as improving supply chain resilience and setting standards and rules for digital trade. That being said, IDEAS warned that progress on IPEF should not derail ongoing efforts to ratify the Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP) by September 2022 as previously announced.

For context, IPEF is a US-led economic framework involving 13 countries, including the Quad members of the USA, India, Australia, and Japan, New Zealand and South Korea, and finally the ASEAN Member States of Brunei, Indonesia, Malaysia, the Philippines, Singapore, Thailand, and Viet Nam.

IPEF is not technically a free trade agreement similar to the CPTPP, but rather an economic framework for the participant countries to solidify their relationships and engage in crucial economic and trade matters that concern the region, such as building more resilient supply chains for the future. Some experts, however, argue that IPEF may provide the first steps towards a free trade agreement.

The four pillars of IPEF can be broken down as such:

- **Connected Economy:** establishing standards and rules for digital trade, such as cross border data flows;
- **Resilient Economy:** building more resilient supply chains able to withstand unexpected disruptions like the COVID-19 pandemic;
- **Clean Energy:** targeting green energy commitments and projects;
- **Fair Economy:** implementing fair trade policies, including rules targeting corruption and effective taxation.

As noted by IDEAS CEO, Tricia Yeoh, "The introduction of IPEF is welcomed, as it provides new avenues for Malaysia and the US to collaborate on crucial economic issues such as supply chain resilience and tackling corruption. With the absence of the US in the CPTPP agreement, Malaysia can tap into the American market to a certain extent through IPEF. As a small open economy, the more trading partners and economic frameworks Malaysia is part of (the latter including FTAs and general collaborative frameworks), the better for the economy."

"However, while Malaysia should take full advantage of IPEF, it should not derail our ongoing efforts to ratify the CPTPP by September as anticipated. Unlike IPEF, the CPTPP is an actual free trade agreement, and therefore will have more significant and deeper economic benefit to the Malaysian economy."

As observed by Juita Mohamad, Director of the Economics and Business Unit at IDEAS, "Both IPEF and the CPTPP provide avenues for Malaysia's further integration into the global economy. While this will provide long-term benefits to Malaysia's economic development (particularly when it comes to raising productivity growth and producing more high value-added products efficiently), it will also bring short-term challenges which can be addressed and rectified by the government with the available policy space."

"IDEAS identified several gaps through its recent roundtable discussions with industry players, such as the lack of skilled talents and ineffective one-stop investment centers in Malaysia. We recommend better coordination between government agencies and the industry players, which we believe will help elevate Malaysia's status as a preferred trade destination, and allow us to fully utilise the benefits brought about by the CPTPP and IPEF for continued prosperity."

--- END ---

**For enquiries, please contact:**

Dr Juita Mohamad  
Director, Economic and Business Unit  
Acting Director of Research  
[juita@ideas.org.my](mailto:juita@ideas.org.my)

Louis Denis  
Manager, External Relations  
[louis@ideas.org.my](mailto:louis@ideas.org.my)

**About IDEAS**

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit [www.ideas.org.my](http://www.ideas.org.my).

Untuk siaran segera

## KENYATAAN MEDIA

### **IDEAS mengalu-alukan Rangka Kerja Ekonomi Indo-Pasifik, beri amaran ia tidak boleh gagalkan ratifikasi CPTPP**

**Kuala Lumpur, 02 Jun 2022** - Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) mengalu-alukan pengumuman terbaru oleh pentadbiran Presiden Biden mengenai Rangka Kerja Ekonomi Indo-Pasifik (IPEF). IDEAS berpendapat rangka kerja ini akan memberikan Malaysia jalan untuk menjalankan kerjasama dengan rakan kongsi serantau berkaitan aktiviti ekonomi dan perdagangan yang penting kepada rantau ini, seperti meningkatkan daya tahan rantaian bekalan dan menetapkan piawaian serta peraturan untuk perdagangan digital. Namun, IDEAS memberi amaran bahawa kemajuan IPEF tidak seharusnya menggagalkan usaha meratifikasi Perjanjian Perkongsian Komprehensif dan Progresif Trans-Pasifik (CPTPP) menjelang bulan September 2022 seperti yang telah diumumkan sebelum ini.

IPEF merupakan satu rangka kerja ekonomi yang dipimpin oleh Amerika Syarikat (AS) melibatkan 13 buah negara, termasuk negara anggota Dialog Keselamatan Quadrilateral (Quad) iaitu AS, India, Australia dan Jepun, New Zealand, dan Korea Selatan, serta negara anggota ASEAN iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

IPEF secara teknikal bukan sebuah perjanjian perdagangan bebas seperti CPTPP, tetapi merupakan sebuah rangka kerja ekonomi untuk negara-negara yang menyertainya mengukuhkan hubungan dan terlibat dalam hal ekonomi dan perdagangan yang penting di rantau ini, termasuk membina satu rantaian bekalan berdaya tahan untuk masa hadapan. Bagaimanapun, sebahagian pakar berpendapat bahawa IPEF mungkin akan menjadi langkah pertama ke arah mewujudkan satu perjanjian perdagangan bebas.

Empat tonggak utama IPEF adalah:

- **Ekonomi terhubung:** menetapkan piawaian dan peraturan untuk perdagangan digital, seperti aliran data rentas sempadan;
- **Ekonomi berdaya tahan:** membina lebih banyak rantaian bekalan berdaya tahan yang mampu menghadapi gangguan tidak dijangka seperti pandemik COVID-19;
- **Tenaga bersih:** menyasarkan komitmen dan projek tenaga hijau;
- **Ekonomi yang saksama:** melaksanakan dasar perdagangan yang adil, termasuk peraturan yang menyasarkan rasuah dan percukaian yang berkesan.

Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS, Tricia Yeoh, ketika mengulas perkara ini berkata, “Pengenalan IPEF sangat kami alu-alukan, kerana memberikan jalan baharu kepada Malaysia dan AS untuk bekerjasama dalam isu-isu penting ekonomi seperti daya tahan rantai bekalan dan mengekang rasuah. Dengan ketiadaan AS dalam perjanjian CPTPP, Malaysia boleh menembusi pasaran AS pada tahap tertentu menerusi IPEF. Sebagai sebuah ekonomi terbuka yang kecil, ekonomi Malaysia akan mendapat lebih banyak manfaat apabila mempunyai lebih banyak rakan perdagangan dan menyertai lebih banyak rangka kerja ekonomi (termasuk perjanjian perdagangan bebas, FTA serta kerangka kerja kerjasama umum).”

“Walaupun Malaysia perlu menggunakan sepenuhnya kesempatan IPEF ini, hal ini tidak seharusnya menggagalkan usaha yang sedang berjalan untuk meratifikasi CPTPP menjelang bulan September seperti yang dijangkakan. CPTPP merupakan satu perjanjian perdagangan bebas, tidak seperti IPEF, maka akan mempunyai manfaat ekonomi yang lebih besar dan mendalam terhadap ekonomi Malaysia.”

Juita Mohamad, Pengarah Unit Ekonomi dan Perniagaan IDEAS berkata, “Kedua-dua IPEF dan CPTPP memberikan jalan kepada Malaysia untuk persepaduan selanjutnya dalam ekonomi dunia. Di samping memberikan manfaat jangka panjang kepada pembangunan ekonomi Malaysia (terutamanya dalam meningkatkan pertumbuhan produktiviti dan menghasilkan lebih banyak produk bernilai tambah tinggi dengan cekap), hal ini juga akan memberikan cabaran jangka pendek yang boleh ditangani dan diperbetulkan oleh pihak kerajaan melalui ruang dasar yang ada.”

“IDEAS telah mengenal pasti beberapa jurang yang ada melalui beberapa sesi perbincangan meja bulat terkini bersama pemain industri, seperti kekurangan bakat berkemahiran dan pusat pelaburan sehenti yang kurang berkesan di Malaysia. Kami menyarankan koordinasi yang lebih baik antara agensi-agensi kerajaan dan pemain-pemain industri yang akan membantu meningkatkan status Malaysia sebagai sebuah destinasi perdagangan pilihan dan membenarkan Malaysia menggunakan sepenuhnya manfaat yang akan diperolehi melalui CPTPP dan IPEF untuk kemakmuran yang berterusan.”

--- TAMAT ---

**Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

Dr Juita Mohamad  
Pengarah, Unit Ekonomi dan Perniagaan  
Pemangku Pengarah Penyelidikan  
[juita@ideas.org.my](mailto:juita@ideas.org.my)

Louis Denis  
Pengurus Perhubungan Luar  
[louis@ideas.org.my](mailto:louis@ideas.org.my)

### Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang kompetitif, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati [www.ideas.org.my](http://www.ideas.org.my).